

20 SEP 2002

BELANJAWAN-PASARAN MODAL

RIZAB BERKANUN MUNGKIN DITINGKATKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari berkata kerajaan mungkin terpaksa meningkatkan nisbah rizab berkanun institusi kewangan sekiranya perlu.

Sambil menyatakan kekecewaan, beliau berkata: "Keengganan institusi kewangan untuk memenuhi satu daripada tanggungjaab utama kewujudan mereka sebagai pemberi pinjaman akan memaksa kerajaan mencari alternatif lain bagi membolehkan pelabur mempunyai akses pembiayaan yang mencukupi."

Ketika membentangkan Belanjawan 2003 yang dibentang di Dewan Rakyat, beliau turut menyatakan: "Kerajaan kesal dan kecewa dengan sikap komuniti perbankan yang ghairah mencari keuntungan bertimbun-timbun dan hanya cenderung membuat pelaburan yang selamat tanpa risiko." Mereka sentiasa berebut membeli kertas-kerta kerajaan.

Bagi separuh pertama tahun ini sahaja, sektor perbankan mencatatkan keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak RM4.5 bilion, meningkat sebanyak 18 peratus dalam tempoh yang sama.

Dr Mahathir berkata: "Tak salah mencari keuntungan tetapi janganlah sampai manfaat jangka panjang negara dipertaruhkan. Apa salahnya mengorbankan sedikit keuntungan hari ini jika ianya dapat menjamin keuntungan berbukit di masa hadapan."

Beliau yang menjadi Menteri Kewangan juga mencadangkan pengecualian cukai pendapatan ke atas faedah dari bon yang diperolehi oleh individu, unit amanah dan dana tertutup tersenarai diperluaskan kepada debentur untuk menggalakkan lagi pembiayaan melalui sekuriti hutang swasta (PDS).

Beliau berkata tabungan yang tinggi telah membolehkan pembangunan cemerlang PDS dan memberi alternatif menarik kepada sektor swasta memperolehi sumber pembiayaan jangka panjang.

Malaysia mempunyai kadar tabungan yang tinggi sebanyak 34 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), yang mana sebahagian besarnya ialah dari dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melebihi RM190 bilion, Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) hampir RM25 bilion dan syarikat insurans hampir RM63 bilion.

Dr Mahathir berkata terbitan kasar PDS meningkat dua kali ganda daripada RM17 bilion pada tahun 1996 kepada RM37 bilion pada tahun 2001.

Perkembangan pesat dalam pasaran PDS ini jauh melebihi peningkatan dalam pertumbuhan pinjaman bank yang hanya sebanyak 3.8 peratus pada suku kedua tahun ini berbanding dengan hampir 29 peratus sebelum krisis kewangan. -- BERNAMA

MFZ JR